

Pelajar USIM jalani ujian air kencing secara rawak

Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menjalankan ujian air kencing secara rawak terhadap pelajar baharu bagi mengelakkan masalah penyalahgunaan dadah di universiti itu.

Ujian bagi sesi kemasukan pelajar pada September ini akan diadakan dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan diawasi oleh kaunselor USIM sebagai pemerhati be-

bas kepada pelajar.

Naib Cancellor USIM, Datuk Dr Musa Ahmad, berkata langkah itu adalah antara usaha serius universiti untuk mengelakkan pelajar menagih dadah.

Peringkat awal

Katanya, USIM sebagai sebuah universiti yang berteraskan naqli dan aqli, mahu ujian itu dilakukan pada peringkat awal bagi memastikan kampus bebas se-

penuhnya daripada sebarang bentuk penyalahgunaan dadah.

"Kebanyakan kes penyalahgunaan dadah bermula di luar kampus dan kami tidak mahu pelajar terjebak dalam gejala yang boleh menjatuhkan reputasi universiti," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian Program Kampus Bebas Dadah di sini, semalam.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK,

Azizan Ariffin, yang merasmikan program itu mahu lebih banyak institusi pengajian tinggi dan sekolah menganjurkan program yang dapat meningkatkan kesedaran pelajar mengenai bahaya penyalahgunaan dadah.

Dekati golongan muda

Katanya, usaha USIM mengadakan program ini amat dihargai kerana membolehkan AADK mendekati golongan sasaran dalam usaha pencegahan penyalahgunaan dadah.

"AADK memberi tumpuan terhadap pelajar di peringkat sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi kerana mereka adalah antara golongan yang sering menjadi sasaran pengedar dadah.

"Kebanyakan kes penyalahgunaan dadah bermula di luar kampus dan kami tidak mahu pelajar terjebak dalam gejala yang boleh menjatuhkan reputasi universiti"

Dr Musa Ahmad,
Naib Cancellor USIM



Azizan (empat dari kiri) melihat poster kempen antidadah di USIM.

[FOTO MELISSA NABILA MUSTAIN/BH]